

## **Pengundi anggap pembangkang masih ada peranan**

**Berita Harian**, 5 November 2015

MESKIPUN parti pembangkang meraih keputusan di bawah jangkaan dalam pilihan raya umum (GE2015) dua bulan lalu, lebih ramai pengundi rata-rata menyokong perlunya ada pandangan yang pelbagai serta proses periksa dan imbang di Parlimen.

Ini antara hasil dapatan kajian yang dijalankan Institut Pengajian Dasar (IPS) menyusuli pilihan raya umum 2015 yang berlangsung dua bulan lalu.

Mendedahkan demikian semasa Sidang Pasca Pilihan Raya 2015 semalam, zamil penyelidik kanan IPS, Dr Gillian Koh, berkata ini menunjukkan bahawa pengundi berasa pembangkang masih mempunyai peranan dalam landskap politik hari ini.

Seramai 86 peratus responden yang ditinjau menyokong perlunya ada suara pelbagai sementara 89 peratus responden pula menyokong perlunya ada proses periksa dan imbang di Parlimen.

Dalam GE2015, Parti Tindakan Rakyat (PAP) menang besar dengan meraih 69.9 peratus undi, diikuti Parti Pekerja (WP) dan Parti Demokratik Singapura (SDP).

Di kalangan tiga parti yang mencatat prestasi terbaik dalam GE2015 itu, jumlah responden yang berkata SDP merupakan parti yang boleh dipercayai meningkat 22 mata peratusan kepada 46 peratus semasa GE2015 berbanding 24 peratus semasa GE2011.

Pengundi yang berkata PAP merupakan parti yang boleh dipercayai pula meningkat 20 mata peratusan (93 peratus semasa GE2015 berbanding 73 peratus semasa GE2011) sementara WP pula meraih peningkatan 15 mata peratusan (71 peratus semasa GE2015 berbanding 56 peratus semasa GE2011).

Namun, seorang peserta sidang itu, pengamat politik Profesor David Chan, yang juga Pengarah Institut Sains Tingkah Laku di Universiti Pengurusan Singapura (SMU), berkata meskipun SDP mencapai peningkatan tertinggi di kalangan tiga parti itu, ini tidak bermakna mereka lebih boleh dipercayai berbanding PAP kerana jumlah pengundi yang mendapati PAP boleh dipercayai tetap lebih tinggi berbanding SDP.

Profesor Chan turut menarik perhatian hasil kajian itu menunjukkan bahawa responden yang menunjukkan sikap neutral apabila ditanya pendapat mereka tentang WP dan SDP turut berkurangan semasa GE2015 berbanding GE2011.

Seramai 10 peratus bersikap neutral tentang WP tahun ini berbanding 36 peratus pada 2011 sementara seramai 11 peratus bersikap neutral tentang SDP tahun ini berbanding 50 peratus pada 2011.

"Ini menunjukkan bahawa lebih ramai pengundi telah membentuk pendapat mereka tentang dua parti pembangkang utama itu - sama ada mereka boleh dipercayai atau tidak - dan jumlah mereka yang 'duduk atas pagar' tentang kebolehpercayaan mereka kini berkurangan," kata Profesor Chan.

## **BUTIRAN**

Apa isu yang paling mempengaruhi warga Singapura semasa mengundi?